

Untuk Siaran Segera

Kenyataan Media YB Menteri Kanan Kerja Raya bagi menjawab artikel di portal berita Borneo Post, 29 August 2020.

Merujuk kepada laporan portal berita Borneo Post bertarikh 29 Ogos 2020, 'Govt needs to be proactive in expediting works on abandoned hospital projects in Sarawak'

Projek **Pembinaan Hospital Petrajaya** dilaksanakan bertujuan menyediakan prasarana perkhidmatan kesihatan yang kondusif di Petrajaya, Sarawak. Di samping mengurangkan masalah kesesakan di Hospital Umum Sarawak, hospital baru ini juga berfungsi sebagai hospital kedua bagi penduduk di bahagian Kuching dan sekitarnya, merangkumi bahagian utara Kuching serta kawasan Bau dan Lundu.

Pembinaan projek Pembinaan Hospital Petrajaya telah bermula pada 30 Mei 2013. Walau bagaimanapun projek ini telah mengalami kelewatan dan tidak menunjukkan prestasi memberansangkan yang mengakibatkan projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Tindakan kerajaan dibuat atas keperluan menjaga kepentingan rakyat dan penduduk Sarawak.

Jabatan Kerja Raya (JKR) sedia maklum dengan isu ini dan tindakan proaktif telah diambil dengan melaksanakan proses Tender Semula Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai Bagi Cadangan Hospital Petrajaya (300 katil) di Petrajaya, Kuching, Sarawak secara Reka dan Bina. Status semasa di dalam peringkat Penilaian Tender oleh JKR Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pemberian Surat Setuju Terima disasarkan pada penghujung Disember 2020 dan Tarikh milik di tapak bina pada Januari 2021.

Manakala, pelaksanaan **Projek Hospital Lawas (76 Katil)** yang melibatkan Fasa 2B, status terkini pelaksanaan projek telah memulakan pembinaannya pada 30 Jun 2020 dan akan disiapkan pada penghujung tahun 2023. Sehingga 31 Julai 2020, peratus kemajuan sebenar 0.13%. Pengesahan zoning dan susunatur dalaman rekabentuk hospital telah selesai pada 12 Ogos 2020.

Penyiapan projek ini dengan keluasan keseluruhan bangunan sejumlah 23,427 meter persegi kelak akan menyediakan kemudahan hospital sebanyak 76 katil yang mengandungi wad pesakit lelaki dan perempuan yang masing-masing menyediakan kemudahan sebanyak 28 katil (56 katil), wad kanak-kanak sebanyak 20 katil dan

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

wad *High Dependency Ward (HDW)* pula sebanyak 4 katil. Hospital ini turut dilengkapi dengan kemudahan ruang pejabat pentadbiran, unit hemodialisis, bilik bersalin, dewan pembedahan, *blood bank*, *pathology department*, unit x-ray, Unit Katering, cafeteria dan bilik mayat.

Dijangkakan, dengan usaha murni kerajaan menyediakan prasarana kesihatan terbaik ini akan dapat memberi manfaat berganda kepada peningkatan taraf kesihatan penduduk di Lawas terutamanya penduduk luar bandar dalam menerima kemudahan kesihatan yang setaraf dengan masyarakat bandar.

Projek Hospital Sri Aman sedang giat dilaksanakan penyiapannya dan dijangka akan disiapkan pada Februari 2021. Pemantauan secara rapi telah dilaksanakan oleh JKR dengan mengadakan mesyuarat koordinasi dan pemeriksaan bersama secara berkala bagi memastikan penyiapannya mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Prestasi fizikal bagi projek ini meningkat di dalam tempoh semasa dan tidak tersenarai sebagai projek merah.

JKR telah mengambil langkah-langkah proaktif di dalam penyiapan dan pelaksanaan hospital-hospital di Sarawak dengan mempergiatkan usaha untuk meningkatkan prestasi pemantauan projek-projek secara umum dan khususnya dengan penglibatan serta libat urus bersama pihak KKM. Mesyuarat Pemantauan Projek Pembangunan KKM diadakan secara berkala dengan pemantauan rapi setiap minggu dan penyeliaan berterusan oleh JKR bagi menentukan kemajuan projek-projek di tapak bina.

Sehubungan itu, dakwaan wakil PKR, Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dr Michael Teo, bahawa Kerajaan khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak proaktif dalam usaha menyiapkan beberapa hospital di Sarawak adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana JKR sentiasa memantau rapi perkembangan projek dan mengambil segala langkah perlu ke arah mempercepatkan pelaksanaannya, biar berdepan beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan.

Malah dalam berdepan penularan COVID-19, kerajaan telah melakukan yang terbaik termasuk memastikan kemudahan disediakan mencukupi contohnya bagi Kuching, selain Hospital Umum Sarawak (HUS), pesakit COVID-19 turut ditempatkan di Anjung Kasih HUS, Kompleks Belia dan Sukan dan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Kuching, Batu 13. Kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam menangani COVID-19 serta penerimaan rakyat juga telah diperakui antara empat yang terbaik di dunia dan terbaik di Asean.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Justeru tindakan pemimpin PKR yang cuba mengaitkan kelewatan projek hospital kononnya menyebabkan kekurangan tempat untuk merawat pesakit COVID-19 adalah tidak benar sama sekali dan lebih kepada memutarbelit fakta demi kepentingan politik mereka.

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
30 Ogos 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my